

KERATAN AKHBAR

**27 MAC 2014
(KHAMIS)**

Disediakan oleh

UK UNIT
KOMUNIKASI
KORPORAT

Program 'Purple Walk' Sabtu ini ditunda

PUTRAJAYA – Program 'Purple Walk' anjuran Jabatan Pembangunan Wanita yang dijadualkan berlangsung di seluruh negara secara serentak termasuk di Daratan Merdeka di sini pada Sabtu ini telah ditunda.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, satu tarikh baharu program itu akan ditetapkan dan diumumkan kelak.

Katanya, penundaan tarikh tersebut adalah untuk menghormati anggota ke-

uarga penumpang dan anak kapal pesawat MH370 yang kini dalam kesedihan.

"Pihak kementerian turut berasa simpati dan sedih terhadap tragedi yang menimpa MH370, kami prihatin dan memahami perasaan yang dilalui oleh setiap anggota keluarga terbabit," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Program 'Purple Walk' antara lain bertujuan meraikan kejayaan wanita dalam pelbagai bidang serta menyemarakkan gaya hidup sihat dalam masyarakat.